

DR. M: HARGAI KEBEBASAN YANG ADA

KELUANG, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menghargai rakyat agar menghargai kebebasan yang ada pada mereka hari ini dan jangan memliarkan nikmat tersebut isekat atau ditarik balik.

"Kita selalu lupa akan apa yang ada pada diri kita dan anyang ingat nikmat-nikmat tersebut bila ia ditarik balik," katanya ketika metakkan batu asas makmal sains Sekolah Cina Chong Iwa di sini.

Beliau berkata, kebebasan rakyat Malaysia menggunakan semua bahasa walaupun bahasa asmi ialah Bahasa Malaysia ialah hasil dari kepercayaan kerajaan kepada sistem demokrasi di mana kerajaan yang dipilih mewakili semua kaum.

Sambil menyeru rakyat menghargai kebebasan tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kebebasan tersebut akan tersekat seiranya kerajaan yang mem-

Oleh AMIN OMAR

rintah ialah kerajaan yang mewakili satu kaum sahaja.

Kerajaan yang didukung oleh satu kaum sahaja, beliau memberi amaran adalah sebuah kerajaan yang tidak berkesan dalam negara makmur seperti Malaysia.

Beliau menyeru rakyat supaya membelakangkan soal-soal perkauman dan berkata bahawa sejak merdeka, kerajaan yang dipilih rakyat ialah kerajaan yang didukung oleh semua kaum dan golongan.

Sama rata

"Kita memberi layanan kepada semua pihak," katanya.

"Untuk membangun, kita perlukan kerajaan yang mewakili semua kaum," katanya sambil menambah, di Malaysia, kaum minoriti seperti India turut mendapat perwakilan dan layanan yang sama rata.

"Inilah yang ada pada kita hari ini dan kita mesti menghargai apa yang ada pada kita itu," katanya.

Beliau berkata, banyak nega-

ra yang sudah merdeka melakkan kuasa pada satu golongan sahaja dan rakyat tidak diberi hak memilih wakil mereka sendiri dan segala tuntutan rakyat tidak dilayan sama sekali.

Malaysia, katanya, mengamalkan demokrasi dan setiap wakil rakyat terhitung budi kepada rakyat dan mereka menunaikan segala tanggungjawab dan melayan kehendak rakyat.

Sekiranya mereka gagal berbuat demikian, mereka tidak akan kekal dipilih katanya. dalam hubungan ini, rakyat juga tidak perlu kepada wakil yang menentang kerajaan tetapi mahukan wakil yang boleh bekerjasama dengan pihak berkuasa demi kepentingan rakyat.

Sambil menekankan betapa perlunya perpaduan di kalangan rakyat dan pengkitaan fahaman perkauman, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan kesalnya kerana ada golongan yang sengaja membangkitkan soal perkauman demi kepentingan politik mereka.

Di Sabah dan Sarawak, katanya, rakyat berbilang kaum hidup dalam aman damai dan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

penuh harmoni, tapi malangnya ada golongan yang datang dari Semenanjung yang membangkitkan fahaman sempit dan mencari untung dari perbuatan tersebut.

Beliau menyeru rakyat terutamanya penduduk Keluang supaya berwaspada terhadap golongan ini dan menolak mereka dari berkuasa.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan pentingnya rakyat Malaysia menguasai pelajaran sains kerana dengan adanya golongan terpelajar dalam bidang itu, segala usaha kerajaan ke arah pembangunan akan mudah dilaksanakan.

Ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk lawatan rasmi kira-kira lima jam di Padang Brigid Ketujuh di sini disambut oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat, Ahli-ahli Exco dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Beribu-ribu penduduk Keluang berkumpul di Sekolah Chong Hwa untuk mengucapkan selamat datang kepada beliau.

Tengah hari tadi beliau menunaikan farid Jumaat di Masjid Jamek Keluang.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (tengah) berjabat tangan dengan Menteri Kewangan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Manifesto Barisan Nasional, Tengku Razaleigh Hamzah, setibanya di Ibu pejabat Barisan Nasional, di Kuala

Lumpur, bagi pelancaran Manifesto BN 1982, semalam. Di kanan, Setiausaha Agung yang juga Pengarah Pilihanraya BN, Encik Ghaffar Baba.

— Gambar Berita Harian.